



Garis Panduan Pelaksanaan Sidang Video Kementerian Kesihatan Malaysia



01

Semua kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan arahan-arahan yang berkaitan yang menjadi teras kepada keperibadian atau tatakelakuan anggota perkhidmatan awam.

02

Kakitangan KKM dikehendaki membuat pemakluman terlebih dahulu untuk tujuan merakam atau mengedar rakaman sepanjang komunikasi berlangsung.

03

Prinsip-prinsip penggunaan video di atas talian oleh kakitangan KKM sama ada dalam urusan rasmi ataupun peribadi adalah sama seperti yang terpakai bagi media-media yang lain.

04

Sebarang komen mengenai isu-isu yang melibatkan agensi atau yang berbentuk serangan peribadi hendaklah dielakkan.

05

Kakitangan KKM perlu memastikan perkongsian dan penggunaan maklumat yang berkaitan dengan hak cipta dan harta intelek telah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan.



06

Bahan-bahan rasmi yang hendak dimuat naik atau dikongsi hendaklah disemak dan mendapat pengesahan/kelulusan daripada pihak yang berkenaan dahulu.

07

Kakitangan KKM mestilah menggunakan talian MyGovnet semasa mengendalikan mesyuarat yang melibatkan dokumen terperingkat.

08

Kakitangan KKM dilarang menggunakan akaun milik orang lain, berkongsi akaun, memberikan akaun kepada orang lain, menggunakan identiti palsu atau menyamar sebagai orang lain.

09

Kakitangan KKM dilarang membuat sebarang pernyataan yang menyentuh perkara yang boleh menjejaskan imej dan dasar Kerajaan, sensitiviti agama, maklumat berbentuk hasutan dan lucah atau cuba memprovokasi sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang.

10

Pautan yang diberikan oleh penganjur sidang video adalah khusus untuk kegunaan penerima sahaja. Penerima tidak dibenarkan untuk memanjangkan pautan berkenaan kepada pihak lain tanpa kebenaran penganjur.





11

Panduan penetapan nama peserta sidang video adalah seperti berikut:

Pengurusan Tertinggi KKM

Menggunakan nama individu tanpa gelaran dan diikuti singkatan jawatan

Contoh: Mohd Shafiq, KSU

Pegawai mewakili agensi

Menggunakan nama individu tanpa gelaran dan diikuti nama agensi

Contoh: Fazlina Hashim, SUB BPM


Mohd Ali, JKN Sabah

Jabatan Kesihatan Negeri

Menggunakan singkatan “JKN” dan diikuti nama negeri.

Contoh: JKN Selangor

JKN Pahang



Panduan penetapan nama peserta sidang video adalah seperti berikut:

Hospital

Menggunakan nama penuh hospital.

Contoh: Hospital Balik Pulau

Hospital Sultanah Aminah

Institut Latihan

Menggunakan singkatan “ILKKM” dan diikuti nama penuh.

Contoh: ILKKM Kuala Pilah

ILKKM Sultan Azlah Shah

Institut Selain ILKKM

Menggunakan nama penuh.

Contoh: Institut Kanser Negara

Institut Kesihatan Negara

- 12** Mikrofon sentiasa berada dalam mod senyap (*mute*). Mod suara boleh diaktifkan sekiranya Pengerusi/Penganjur ingin berdialog atau meminta maklum balas.
- 13** Kamera dan paparan video sentiasa berada dalam mod aktif sepanjang sidang video berlangsung.
- 14** Pergerakan fizikal harus berada di tahap paling minima.
- 15** Memadamkan *history*, *cache* dan *cookies* dalam perisian *browser* setelah selesai sesi sidang video.



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA